

Hadiah Buku Datin Julia Chong 2015 untuk Pencapaian dalam bidang muzik



Hadiah Buku **Datin Julia Chong** merupakan anugerah tahunan untuk pelajar terbaik dalam bidang muzik di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Wong Jing Dee, dari PISMP BI SJKC 2013 menerima hadiah buku pada 20 November 2015 daripada anak mendiang Datin Julia, Dr. Chong Pek Lin, yang juga seorang bekas pensyarah muzik di Batu Lintang. Penyampaian hadiah ini yang diserikan dengan kehadiran pengarah IPGK Batu Lintang, En. Bedui Bin Une, dilaksanakan semasa perhimpunan Institut bulan November 2015.

Anugerah ini diperkenalkan pada tahun 2010 oleh anak-anak mendiang Datin Julia Chong, seorang guru muzik, komposer, dan penggiat muzik Sarawak yang terkemuka. Sebanyak RM400 setahun disumbangkan dalam bentuk buku muzik pilihan pemenang. Melalui hadiah buku ini, diharapkan agar pelajar-pelajar institut menyemarakkan lagi kecintaan dalam muzik dan menyebarkannya kepada murid-murid sekolah.

Selain merupakan pemain piano yang berbakat Jing Dee berjaya mendapat markah akademik tertinggi dalam kelas elektif muzik (purata 84% sepanjang empat

semester). Beliau juga telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan semasa penyelarasan beberapa projek kelas muzik. Ini termasuk *Persembahan Lagu Rakyat* di Kampung Picin pada October 2014, serta konsert-mini *Westen Music through the Ages* (Februari 2015) dan *Bengkel Lagu Rakyat Sabah dan Sarawak* (Ogos 2015), kedua-duanya dilaksanakan di bilik recital muzik, IPGK Batu Lintang.



Batu Lintang students mempersembahkan *Jambatan Tamparuli* diiringi alat muzik etnik